

## **KEMPEN PELANGGAN BAHARU PERBANKAN PRIORITI 2021**

Dikemaskini pada 20 Ogos 2021

### **TEMPOH KEMPEN**

“**Kempen Pelanggan Baharu Perbankan Prioriti 2021**” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (kemudian daripada ini secara kolektif disebut “**Bank**”) bermula pada 1 September 2021 dan berakhir pada 31 Januari 2022, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### **TERMA & SYARAT**

Terma dan syarat Kempen (“**T&Cs**”) adalah seperti berikut:

### **KELAYAKAN**

1. Kempen ini terbuka kepada seluruh pelanggan baharu Perbankan Prioriti Bank, pemastautin warga Malaysia dan bukan warga Malaysia (“**Pelanggan**”). Pelanggan mestilah Pemegang Akaun Utama baharu bagi Akaun Sertaan berikut (“**Akaun Sertaan**”):

- (a) Hong Leong Pay&Save Account;
- (b) Hong Leong Pay&Save Account-i;
- (c) Hong Leong Top Yield Account.
- (d) Hong Leong Fixed Deposit,
- (e) Hong Leong Fixed Deposit-i
- (f) Priority Banking Premium Fixed Deposit; atau
- (g) Senior Savers Fixed Deposit

Hong Leong Pay&Save Account-i dan Hong Leong Fixed Deposit-i adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah iaitu Tawarruq.

2. Bagi mengelakkan keraguan:

- (a) “**Pelanggan Baharu Perbankan Prioriti**” bermaksud pelanggan individu yang memenuhi kriteria kelayakan keahlian Perbankan Prioriti (“**Keahlian PB**”) iaitu jumlah Aset Di Bawah Pengurusan (“**AUM**”) tergabung sebanyak **Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000)**.
- (b) AUM bermaksud jumlah deposit dalam mana-mana Akaun Deposit Tetap/Deposit Tetap-i, Akaun Simpanan/Simpanan-i, Akaun Semasa/Semasa-i, Akaun Mata Wang Asing dan/atau amaun Utama Pelaburan dalam mana-mana Dana Unit Amanah dan/atau Produk Berstruktur dengan Bank pada satu-satu masa (“**Akaun**”).
- (c) “**Pemegang Akaun Utama baharu**” bermaksud Pelanggan yang tidak mempunyai mana-mana Akaun Sertaan dengan Bank sebelum Tempoh Kempen dan membuka mana-mana Akaun Sertaan dengan jumlah minimum Akaun Semasa atau Akaun Simpanan/ Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i (“**CASA/CASA-i**”) sebanyak **Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000)**.

3. Jika ada lebih daripada satu (1) orang memohon Keahlian PB, maka satu akaun bersama mestilah dibuka. Pemegang akaun bersama yang namanya mula-mula tertera dalam rekod HLB adalah pemegang akaun utama ("**Pemegang Akaun Utama**") dan pemegang akaun bersama yang seorang lagi itu adalah pemegang akaun kedua ("**Pemegang Akaun Kedua**").
4. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan bankrap (menurut petisyen oleh Bank atau mana-mana institusi kewangan yang lain atau oleh mana-mana pihak ketiga atau bakal dikenakan prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen) **TIDAK** layak menyertai Kempen.
5. Semua deposit di bawah Kempen ini mestilah "**Dana Baharu**" sahaja. Bagi mengelakkan keraguan, "**Dana Baharu**" ditakrif sebagai:
  - (a) Wang tunai, Financial Process Exchanges ("**FPX**"), pindahan antara bank yang termasuk IBG, Pindahan Segera dan DuitNow, dana baharu yang diterima melalui pindahan bertelegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam akaun Deposit Tetap HLB/Deposit Tetap-i HLISB ("**FD/FD-i**"), Akaun Semasa atau Akaun Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i HLISB ("**CASA/CASA-i**") Pelanggan yang sedia ada atau baharu; dan
  - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Kempen yang didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA/CASA-i Pelanggan.
6. Yang berikut ini **TIDAK** dianggap "**Dana Baharu**":
  - (a) FD/FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun FD/FD-i sedia ada;
  - (b) Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada CASA/CASA-i FD/FD-i yang lain, Akaun Pelaburan Bertempoh-i atau Akaun Pelaburan Am ("**GIA**"); dan
  - (c) Pindahan antara cawangan dalam Bank termasuk pindahan pihak ketiga.

## **KAEDAH KEMPEN**

### **(A) HADIAH DAFTAR**

7. Pelanggan layak mendapat Hadiah Daftar apabila membuka Akaun Sertaan baharu semasa Tempoh Kempen seperti mana dinyatakan dalam jadual 1 di bawah ("**Pelanggan Layak**"):

**Jadual 1**

<b>Akaun Sertaan</b>	<b>Hadiah Daftar</b>	<b>Jumlah Peruntukan (Unit)</b>
Pay&Save Account-i	<b>Royal Selangor Money Tree Pewter</b>	100

8. Hadiah Daftar bergantung kepada ketersediaan stok, terhad kepada satu (1) Hadiah Daftar bagi setiap Pelanggan Layak atas dasar siapa cepat dia dapat

**(B) PROMOSI FD/FD-i SERANGKAI DENGAN CASA/CASA-i (“PROMOSI FD/FD-i SERANGKAI”)**

9. Di samping Hadiah Daftar, Pelanggan Layak berhak membuat satu (1) peletakan FD/FD-i dengan Kadar FD/FD-i Promosi seperti tertera dalam Jadual 2 di bawah semasa Tempoh Kempen atau apabila mencapai Had Saiz Dana seperti ditakrif dalam Jadual 2, mengikut mana yang dahulu (“**Tempoh Promosi FD/FD-i Serangkai**”), melainkan diberitahu sebaliknya.
10. Untuk berhak menikmati Kadar FD/FD-i Promosi seperti tertera dalam Jadual 2 di bawah, Pelanggan hendaklah, semasa Tempoh Kempen:
- mendeposit suatu amaun seperti dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah ke dalam mana-mana CASA/CASA-i Sertaan (“**Amaun Peletakan CASA/CASA-i**”) menurut keperluan nama dan tandatangan yang sama seperti Akaun FD/FD-i Sertaan (“**CASA/CASA-i Namaan**”) dengan tempoh peruntuk tiga (3) bulan berturut-turut (“**Tempoh Peruntuk**”). Deposit tersebut akan dirujuk sebagai “**Peletakan CASA/CASA-i**”; dan
  - mendeposit suatu amaun seperti dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah ke dalam mana-mana Akaun FD/FD-i Sertaan (“**Amaun Peletakan FD/FD-i**”) bagi tempoh FD/FD-i tiga (3) bulan. Deposit tersebut akan dirujuk sebagai “**Peletakan FD/FD-i**”.

**Jadual 2**

Akaun FD/FD-i Sertaan	Tempoh FD/FD-i	Kadar FD/FD-i Promosi <sup>1</sup>	Amaun Peletakan	Tarikh Efektif <sup>2</sup>		Had Saiz Dana
				Pay&Save/ Pay&Save-i <sup>3</sup>	Top Yield	
FD dan FD-I Konvensional	3-bulan	4.00% setahun	FD/FD-i RM100,000 dan CASA/CASA-i RM100,000	2.63% setahun	2.00% setahun	RM60 juta
			FD/FD-i RM200,000 dan CASA/CASA-i RM100,000	3.08% setahun.	2.67% setahun	

<sup>1</sup> Jika terdapat perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR), Kadar FD/FD-i Promosi mungkin dipinda.

<sup>2</sup> Tarikh Efektif berbubah mengikut Amaun Peletakan FD/FD-i, Amaun Peletakan CASA/CASA-i dan jenis CASA/CASA-i Namaan. Jika terdapat perubahan OPR, Kadar Efektif mungkin dipinda.

<sup>3</sup> Untuk berhak menikmati kadar faedah/keuntungan Pay&Save/Pay&Save-i, Pelanggan hendaklah meletakkan RM2,000 dalam satu resit ke dalam akaun Pay&Save/Pay&Save-i mereka setiap bulan semasa Tempoh Peruntuk, tertakluk kepada Terma dan Syarat Akaun Pay&Save/Pay&Save-i.

11. Bagi tujuan Promosi FD/FD-i Serangkai ini, Pelanggan yang telah memenuhi kesemua kriteria di bawah Fasal 10 dan 11 di atas hendaklah dirujuk sebagai “**Pelanggan Berhak**”.
12. Sekiranya mana-mana Amaun Peletakan FD/FD-i melebihi Amaun Peletakan FD/FD-i yang ditetapkan atau jika Had Saiz Dana berkenaan tercapai, maka Amaun Peletakan FD/FD-i yang melebihi Amaun Peletakan FD/FD-i ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar niaga FD/FD-i semasa seperti yang ditentukan oleh HLB/HLISB.
13. Bagi setiap peletakan, resit FD/FD-i tidak akan dikeluarkan.
14. Faedah/keuntungan yang diperoleh bagi Akaun FD/FD-i Sertaan akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Namaan Pelanggan Berhak pada tarikh matang.

15. Apabila matang, Amaun Peletakan FD/FD-i pokok akan diperbaharui secara automatik pada kadar niaga FD/FD-i berkenaan dan faedah/keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Namaan Pelanggan Berhak pada tarikh matang.
16. Tertakluk kepada Fasal 18 di dalam ini, bagi FD Konvensional, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Bagaimanapun, sekiranya amaun dalam FD Konvensional kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**, pengeluaran sebahagian bagi akaun berkenaan tidak dibenarkan.
17. Tertakluk kepada Fasal 18 di dalam ini, bagi FD-i, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD-i dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Bagaimanapun, sekiranya amaun dalam FD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, maka pengeluaran sebahagian bagi akaun berkenaan tidak dibenarkan.
18. Sekiranya Amaun Peletakan FD/FD-i dikeluarkan sebelum matang Tempoh FD/FD-i, sama ada keseluruhan atau sebahagian, maka faedah/keuntungan tidak akan dibayar atas amaun pengeluaran dan pengeluaran pramatang FD/FD-i itu
19. Bank berhak memotong dan mendebit amaun setara dengan faedah/keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Berhak bagi Amaun Peletakan FD/FD-i yang dikeluarkan pramatang daripada Akaun FD/FD-i Sertaan.
20. Amaun Peletakan FD/FD-i **TIDAK** boleh digunakan sebagai sandaran bagi tujuan mencagarkan sebarang kemudahan kredit yang didapati atau akan didapati oleh Pelanggan Berhak kecuali Amaun Peletakan FD/FD-i itu boleh digunakan sebagai sandaran untuk mencagarkan Kad Kredit konvensional (iaitu Kad Kredit yang dikeluarkan oleh HLB) dengan HLB. Bagi urusan pencagaran tersebut, Pelanggan Berhak hendaklah merujuk kepada Kad Kredit Bercagaran dengan halaman produk Deposit Tetap.
21. Promosi FD/FD-i Serangkai ini **TIDAK** sah dengan mana-mana promosi lain yang sedang berlangsung yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

### **(C) PROMOSI PETI SIMPAN SELAMAT DAMANSARA CITY (“PROMOSI DC SDB”)**

22. Tawaran yang disediakan sempena Promosi DC SDB ini ialah pengecualian fi sewaan tahunan tahun pertama bagi Peti Simpan Selamat (“**SDB**”) bagi tahun kalendar 2021.
23. Untuk berhak menikmati Promosi DC SDB, Pelanggan Layak **MESTILAH** semasa Tempoh Kempen, membuka SDB baharu di Priority Banking, cawangan HLB Damansara City dan membuat arahan tetap dua (2) tahun bagi fi sewaan tahunan berikutnya bermula dari Januari 2022.
24. Promosi DC SDB ini tertakluk kepada ketersediaan unit-unit SDB. Bagaimanapun, Promosi DC SDB ini akan berlanjutan selagi unit-unit SDB masih kosong.
25. Setiap SDB akan mempunyai dua (2) set anak kunci, iaitu anak kunci A yang akan disimpan oleh HLB dan anak kunci B yang akan diserahkan kepada Pelanggan Layak apabila berjaya membuka SDB. Pembayaran satu (1) kali deposit diperlukan bagi setiap SDB.

26. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan satu CASA/CASA-i yang diselenggara dengan HLB atau HLISB (di bawah nama mereka) bagi tujuan mendebit fi sewaan tahunan berikut bagi SDB apabila tibanya masa fi sewaan tahunan itu perlu dibayar.
27. Fi sewaan tahunan bagi SDB tidak akan dikembalikan sekiranya Pelanggan Layak menamatkan penyewaan SDB sebelum tempoh sewaan berakhir.
28. SDB tertakluk kepada terma dan syarat penyewaan SDB yang ditetapkan oleh HLB.

### **UMUM**

29. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:
  - (a) telah membaca, memahami, menerima dan akan mematuhi T&Cs di dalam ini, Terma dan Syarat Akaun Am Bank, Terma dan Syarat penyewaan SDB dan lain-lain Terma & Syarat Tertentu bagi Akaun Sertaan;
  - (b) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan;
  - (c) Hadiah Daftar tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan;
  - (d) Bank tidak memberi representasi atau waranti berkenaan kualiti atau kesesuaian Hadiah Daftar;
  - (e) mengakses Laman Web di <https://www.hlb.com.my> ("**Laman Web HLB**") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Kempen dan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&Cs;
  - (f) memberi butiran nombor telefon bimbit dan alamat yang terkini dan tepat kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab/dipertanggungjawabkan sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan bagi tujuan Kempen ini, disebabkan nombor telefon bimbit dan/atau alamat tidak tepat/tidak sah diberi oleh Pelanggan ataupun SMS gagal disampaikan atas apa jua sebab sekalipun;
  - (g) bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen; dan
  - (h) memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan butiran peribadi mereka kepada Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U) ("**Infobip**") bagi tujuan Kempen ini.
30. Bank berhak:
  - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&Cs terkandung di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank setelah memberi notis awal; atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank;
  - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan kerana tidak mematuhi T&Cs di dalam ini daripada menyertai Kempen ini; dan
  - (c) melupuskan faedah/keuntungan yang diperoleh kerana Pelanggan Berhak tidak mematuhi T&Cs di dalam ini dan/atau Terma dan Syarat Am Akaun Deposit bagi Akaun FD/FD-i Sertaan.

31. T&Cs di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Bank, Terma dan Syarat penyewaan SDB dan lain-lain Terma & Syarat Tertentu bagi Akaun Sertaan hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat percanggahan antara T&Cs di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan Terma dan Syarat penyewaan SDB dan lain-lain Terma & Syarat Tertentu bagi Akaun Sertaan, maka T&Cs di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut
32. T&Cs di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
33. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal; termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

**Hong Leong Pay&Save Account, Hong Leong Pay&Save Account-i, Hong Leong Top Yield Account, Fixed Deposit dan Fixed Deposit-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**